

Palanivel Perkukuhkan MIC Untuk Hadapi Pilihan Raya Umum Ke-13
Bernama
Julai 28, 2011

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Dalam usaha memenangi semula kepercayaan pengundi India kepada gagasan Barisan Nasional (BN), MIC akan meningkatkan persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum ke-13.

Presiden MIC Datuk G Palanivel akan mengemudi parti menuju ke arah itu.

Hujung minggu ini, beliau akan menyampaikan ucapan sulungnya selaku Presiden parti pada Perhimpunan Agung Tahunan (AGM) ke-65 MIC.

Menjelang AGM itu, Setiausaha Agung MIC S Murugesan berkata: "Kami (MIC) telah memperluaskan pangkalan data pengundi dengan melaksanakan langkah penentusahan dan pendaftaran pengundi di kesemua 4,300 cawangan parti di seluruh negara.

"Keutamaan segera adalah untuk memastikan lebih 100,000 anggota parti didaftarkan sebagai pengundi.

"Dengan bantuan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), MIC akan turut mendaftar pengundi baru," katanya kepada Bernama dalam temu bual eksklusif di ibu pejabat MIC di sini.

Pada masa ini, MIC mempunyai lebih 630,000 anggota.

Selanjutnya, Murugesan berkata parti itu akan turut mengkaji cadangan Umno dan MCA untuk memperluaskan pangkalan data pengundi, dan berganding bahu dengan parti komponen BN untuk meraih undi masyarakat India dalam pilihan raya umum, seperti yang dilakukan sebelum ini.

-- BERNAMA